RUMUSAN BERITA MINGGUAN

WEEKLY NEWS BRIEF

Edisi 10/2019

1-10 Julai 2019

DALAM NEGARA

Politik - *Dayak digunakan sebagai proksi Cina dan puak Evangelis Kristian untuk wujudkan sebuah negara Borneo berdaulat*

Politik - *Proses desentralisasi kuasa semakin kuat, kecilkan kuasa kerajaan, tingkatkan penguasaan kapitalis*

Ekonomi - *Kerajaan tunduk kepada polisi ekonomi pro China, lantik ahli lembaga pengarah Khazanah dari China pengasas syarikat Sensetime yang membuat sistem pantauan etnik Uighur*

Keselamatan - *Risiko selat Melaka dikawal oleh Kapal Perang dari China meningkat*

LUAR NEGARA

Sumber Alam - *Syarikat minyak multinational kaut keuntungan di Laut China Selatan melalui tawaran kerjasama ekplorasi CNOOC di kawasan blok minyak seluas 9761km persegi.*

Ekonomi - *Negara Islam, Pakistan terpaksa tunduk kepada permintaan 'International Monetary Fund' (IMF) untuk membekukan perbelanjaan ketenteraan apabila membuat perjanjian pinjaman bersyarat bersama IMF*

IRIS INSTITUTE

Interdisciplinary Research and International Strategy©

RUMUSAN BERITA MINGGUAN

1-10 Julai 2019

RINGKASAN EKSEKUTIF

Rumusan mingguan edisi ini menyentuh beberapa isu utama dalam dan luar negara. Bagi isu dalam negara rumusan ini akan menyentuh perkembangan isu seperatisme di Sarawak dengan melihat beberapa perkembangan terbaru yang berlaku melibatkan aktor Dayak yang digunakan sebagai proksi oleh Cina untuk menekan kerajaan negeri Sarawak supaya menyokong dasar agar Sarawak keluar dari Malaysia. Selain itu, terdapat juga perkembangan usaha untuk mempercepatkan proses desentralisasi kuasa kerajaan Pusat dengan memperkenalkan semula pilihan raya kerajaan tempatan, dan juga penswastaan sektor tenaga kepada syarikat-syarikat kapitalis.

Dalam hal ehwal ekonomi pula, kerajaan dilihat tunduk kepada polisi ekonomi pro China, apabila melantik ahli lembaga pengarah Khazanah dari China. Dalam aspek keselamatan pula, China meningkatkan risiko keselamatan kapal mereka kepada tahap tertinggi (3) di Selat Melaka.

Sementara itu bagi berita luar negara, syarikat minyak multinasional dilihat akan mengaut lebih banyak keuntungan di Laut China Selatan melalui tawaran kerjasama eksplorasi CNOOC di kawasan blok minyak seluas 9761km persegi. Hubungan Amerika dan China di Laut China Selatan juga dilihat semakin tegang berikutan ujian misil balistik oleh China di laut itu dan negara Islam, Pakistan terpaksa tunduk kepada permintaan 'International Monetary Fund' (IMF) untuk membekukan perbelanjaan ketenteraan apabila membuat perjanjian pinjaman bersyarat bersama IMF.

DALAM NEGARA

POLITIK

Majlis Keselamatan PBB akan bersedia menjalankan tugas, sekiranya Peli Baron, Presiden Parti Bumi Kenyalang memutuskan untuk keluarkan Sarawak dari Malaysia

1.0 Dayak digunakan sebagai proksi kepada Cina dan puak Evangelis Kristian untuk mewujudkan sebuah negara Borneo berdaulat

Menurut Laman Web Dayak daily Presiden Parti Bumi Kenyalang (PBK), Peli Baron mengeluarkan kenyataan bahawa Majlis Keselamatan PBB akan menjalankan tugas mereka dalam menghalang segala jenis halangan ketenteraan yang mungkin dihadapi oleh Sarawak sekiranya pemimpin Bumi Kenyalang itu memutuskan untuk keluar daripada Malaysia.

Hal ini kerana keyakinan Peli terhadap sumber alam dan pendapatan tahunan Sarawak dianggap mampu menampung kehidupan rakyat Sarawak. Dalam pada itu, ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg juga menyatakan hasratnya dalam Borneo Post untuk mengasingkan pentadbiran Sarawak daripada kerajaan persekutuan kerana berpendapat bahawa Sarawak perlu menentukan dasarnya sendiri dalam

pembangunan negeri itu. Sementara itu, Voon Lee Shan (bekas ahli DAP) melalui Dayak daily mencadangkan agar kes pengeluaran Sarawak daripada Malaysia dibawa ke mahkamah antarabangsa (ICJ) berikutan halangan dan kritikan yang diterima daripada dalam negara, seperti yang dinyatakan oleh presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sarawak, Baru Bian bahawa proses pengeluaran Sarawak adalah sukar di sisi undang-undang dan tidak semudah yang disangka.

DALAM NEGARA

POLITIK

Perlaksanaan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan mendapat respons baik kerajaan mahupun Pembangkang , sekaligus membawa kepada peningkatan penguasaan kapitalis

2.0 Proses desentralisasi kuasa semakin kuat, kecilkan kuasa erajaan, tingkatkan penguasaan kapitalis

Menurut Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Raja Kamarul Bahrin dalam suatu kenyataan yang dikeluarkan oleh Free malaysia today , kerajaan sedang membuat kajian menyeluruh untuk melaksanakan semula pilihan raya kerajaan tempatan.

Sehingga kini tiga kajian besar telah dilakukan, dijangka selesai pada penghujung tahun ini dan akan dibentangkan di Parlimen. Pelaksanaan ini memerlukan kepada akta Kerajaan Tempatan 1976

digubal untuk membolehkan pilihan raya ini berlaku.

Sementara itu, terdapat usaha lobi yang kuat di dalam barisan pembangkang khususnya Barisan Nasional untuk menerima usaha pelaksanaan semula pilihan raya tempatan ini. Hal ini boleh dilihat menerusi ucapan yang dikeluarkan oleh Rahman Dahlan wakil Barisan Nasional. Beliau mengatakan sekiranya Barisan Nasional dilantik semula menjadi kerajaan, proses desentralisasi kuasa kerajaan pusat akan dijalankan dengan kadar segera dan menyeluruh.

Usaha penswastaan bekalan tenaga dengan lebih menyeluruh juga merupakan salah satu usaha desentralisasi kuasa melalui pasaran. Menurut sumber daripada The Edge, Jika usaha penswastaan tenaga ini dilaksanakan, syarikat-syarikat seperti Malakoff, YTL, Edra dan beberapa buah syarikat luar daripada China dijangka akan peroleh keuntungan hasil daripada usaha penswastaan ini. Penswastaan tenaga ini akan melibatkan sektor runcitan bagi pembekal tenaga elektrik kepada rakyat Malaysia.

DALAM NEGARA

EKONOMI

Profesor Xiao'ou Tang merupakan pengasas syarikat Sensetime (syarikat yang membuat sistem pantauan wajah di kem tahanan Uighur).

3.0 Kerajaan tunduk kepada polisi ekonomi pro China, lantik ahli lembaga pengarah Khazanah dari China pengasas syarikat Sensetime yang membuat sistem pantauan etnik Uighur

Kerajaan dilihat semakin tunduk kepada polisi ekonomi Pro China apabila melantik ahli lembaga pengarah dari China, Profesor Xiao'ou Tang. Beliau merupakan pengasas syarikat Sensetime (syarikat yang membuat sistem pantauan wajah di kem tahanan Uighur). Walaupun begitu, kerajaan menafikan pelantikan ini akan menyebabkan rahsia kerajaan terbongkar apabila melantik orang asing memegang jawatan strategik sebagai ahli lembaga pengarah Khazanah.

Dalam pada itu, Lim Guan Eng semasa lawatannya ke China baru-baru ini berkata, satu "saluran khas" akan diwujudkan untuk memantau pelaburan luar dari China ke Malaysia. Tindakan ini dilihat bercanggah dengan agensi-agensi pelaburan yang sedia ada di Malaysia seperti MIDA dan lain-lain.

DALAM NEGARA

KESELAMATAN

China telah menyusun semula pengawal pantainya untuk berkhidmat sebagai cawangan ketenteraan di Laut China Selatan (Ihsan Gambar: PU HAIYANG/VCG)

4.0 Risiko selat Melaka dikawal oleh Kapal Perang dari China meningkat

Menurut sumber The Star, China meningkatkan risiko keselamatan kapal mereka kepada tahap tertinggi (3) di Selat Melaka, sebagai bandingan tahap dua adalah merujuk situasi untuk serangan kapal di Selat Hormuz tempoh hari. Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia berkata, langkah China ini menimbulkan kekeliruan kerana tiada apa-apa ancaman mahupun risiko yang tinggi terhadap kapal yang melalui selat Melaka. Tindakan ini dilihat memberikan petanda adakah China sedang memikirkan langkah untuk meletakkan kapal perang mereka di kawasan Selat Melaka?

LUAR NEGARA

SUMBER ALAM

CNOOC menawarkan sebanyak lapan blok minyak yang merangkumi 9761 km persegi kepada firma asing.

5.0 Syarikat minyak multinational kaut keuntungan di Laut China Selatan melalui tawaran kerjasama ekplorasi CNOOC di kawasan blok minyak seluas 9761km persegi

Berdasarkan laporan oleh Euronews, syarikat minyak Multinasional akan memperoleh keuntungan melalui pengeksploitasian minyak di Laut China Selatan berikutan tawaran kerjasama daripada syarikat minyak China, China National Offshore Oil Corporation (CNOOC). Selain itu, CNOOC juga menawarkan sebanyak lapan blok minyak yang merangkumi 9761 km persegi kepada firma asing.

Pada masa yang sama, perebutan kawasan di Laut China Selatan diantara China dan Amerika menjadi semakin tegang ekoran pelanggaran janji oleh China yang menjanjikan keamanan di rantau itu melalui kenyataan Presiden Xi pada 2015. News Corps Australia melaporkan bahawa China telah melancarkan ujian misil balistik di Laut China Selatan.

LUAR NEGARA

EKONOMI

Pinjaman 6 Bilion oleh Pakistan kepada IMF menyebabkan mereka terpaksa tunduk kepada syarat yang dikemukakan IMF dalam soal pembekuan perbelanjaan ketenteraan dan pengurangan subsidi rakyat.

6.0 Negara Islam, Pakistan terpaksa tunduk kepada permintaan 'International Monetary Fund' (IMF) untuk membekukan perbelanjaan ketenteraan apabila membuat perjanjian pinjaman bersyarat bersama IMF

Menurut NST , International Monetary Fund (IMF) telah meluluskan permohonan pinjaman oleh Pakistan yang berjumlah 6 bilion dalam perjanjian pinjaman bersyarat selama tiga tahun. Akibatnya, Pakistan terpaksa tunduk kepada syarat yang dikemukakan IMF dalam menentukan dasar negara iaitu dengan membekukan perbelanjaan ketenteraan dan mengurangkan subsidi kepada rakyat Pakistan. Selain itu, antara punca Pakistan membuat pinjaman daripada IMF adalah kerana mengalami inflasi yang tinggi dan kadar pertumbuhan ekonomi yang lemah selain mempunyai kadar hutang yang tinggi kepada bank dunia.

IRIS Institute
Interdisciplinary Research and International Strategy

Bandar Baru Bangi

No 6-23-3A, Jalan Medan,
Pusat Bandar 8A,Bangi Sentral,